



## **SIARAN MEDIA**

### **“UDA PEKAN BRIDGE RUN 2016” MENDAPAT SAMBUTAN HANGAT**

**Pekan, 15 Oktober** – UDA Holdings Berhad (UDA) buat julung-julung kalinya telah menganjurkan “UDA Pekan Bridge Run 2016” bertempat di Ancasa Royale Pekan, Pahang. Meskipun baru pertama kali diperkenalkan, “UDA Pekan Bridge Run 2016” telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peserta dari seluruh negara khususnya dari negeri Pahang sendiri.

Dengan hanya mengenakan bayaran minima sebanyak RM10 untuk penyertaan bagi semua kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Terbuka Lelaki dan Wanita untuk 8 kilometer dan Kategori “Fun Run” untuk 3 kilometer, program larian ini berjaya mengumpulkan lebih kurang 1500 orang pelari dari seluruh negara. Selain itu, para peserta yang menyertai larian ini akan mendapat t-shirt, medal dan sijil penyertaan manakala para pemenang akan membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000 untuk hadiah pertama, RM800 untuk hadiah kedua, RM700 untuk hadiah pemenang ketiga, RM500 untuk hadiah keempat dan RM400 untuk pemenang kelima.

UDA cukup bertuah pada kali ini dengan kesudian YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Binti Mansor untuk sama-sama menyerikan lagi program larian ini. Turut hadir sama memeriahkan program ini adalah Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Haji Adnan Bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang; Yang Berbahagia Dato' Dr Mohd Shafei Bin Abdullah, Pengerusi Kumpulan UDA dan juga Yang Berbahagia Datuk Ahmad Bin Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA. Pada masa yang sama, Ahli-ahli Parlimen

Negeri Pahang , Pihak Berkuasa Tempatan serta Pengurusan Kanan UDA juga hadir sebagai tanda sokongan dan bersama-sama dengan UDA bagi menjayakan program larian ini.

Program ini juga merupakan salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) UDA dalam mendekati masyarakat terutamanya di daerah Pekan serta memperkenalkan hotel rangkaian

UDA iaitu AnCasa Royale Pekan, Pahang di mana ianya satu-satunya hotel di Pekan yang bertaraf 4 bintang kepada orang luar dari seluruh pelusuk negeri.

UDA Pekan Bridge Run 2016 merupakan inisiatif UDA di mana ianya merupakan salah satu langkah pro aktif dalam proses transformasi ke arah melahirkan serta menerapkan amalan dan gaya hidup sihat selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang produktif menjelang wawasan 2020. Pada masa yang sama juga, program sebegini memberikan peluang kepada UDA untuk lebih mendekati komuniti di daerah Pekan serta mempromosikan produk-produk hartanah UDA di seluruh Malaysia.

Menurut Dato' Dr Mohd Shafei Abdullah, "UDA mengambil pendekatan dengan mengadakan program ini untuk memberi pendedahan kepada masyarakat umum tentang peranan UDA yang bukan sahaja menumpukan kepada operasi perniagaan semata-mata, malahan senantiasa menyokong usaha-usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang sihat sekaligus mampu memacu peningkatan produktiviti negara. Selain itu, program ini memberi platform dan ruang kepada komuniti di Pahang untuk beriadah dan memanfaatkan aktiviti bersama keluarga di hujung minggu".

Dato' Dr Mohd Shafei turut merakamkan ucapan terima kasih kepada penaja-penaja di atas sumbangan serta sokongan yang diberikan bagi menjayakan program UDA Pekan Bridge Run 2016 pada kali ini.

**TAMAT**

## **MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Radziah Mohamed Fadzil  
Naib Presiden 2  
Bahagian Pemasaran & Komunikasi Korporat  
UDA Holdings Berhad  
Blok Menara, Kompleks Pertama  
Tuanku Abd Rahman  
50100 Kuala Lumpur  
Tel :03-27308595/017-3377630  
E-mel :radziah@udanet.com

Norazuana Abdullah  
Pen. Naib Presiden 3  
Bahagian Pemasaran & Kom. Korporat  
UDA Holdings Berhad  
Blok Menara, Kompleks Pertama Jalan  
Jalan Tuanku Abd Rahman  
50100 Kuala Lumpur  
Tel :03-27302817/0192239153  
E-mel :norazuana@udanet.com